

UniMAP Lancar Pesawat Tanpa Pemandu KAMA-2X

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), hari ini melancarkan pesawat tanpa pemandu (UAV) KAMA-2X sekaligus berjaya menjual 10 unit pesawat tersebut kepada Aerial Imaging Sdn. Bhd. (AISB) bernilai RM500,000. Berangkat menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penjualan dan pelancaran pesawat tersebut ialah Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil di Dewan A, Zon Industri, Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, Langkawi, Kedah pada majlis tersebut. UniMAP diwakili oleh Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala AISB diwakili oleh Pengurus Kewangannya Tuan Ikhsan Teh.

Pesawat KAMA-2X yang dinamakan bersempena nama Naib Canselor UniMAP itu dijual pada harga RM50,000 setiap unit setelah melalui proses penyelidikan selama tujuh tahun oleh para penyelidik Pusat Kecemerlangan Sistem Pesawat Tanpa Pemandu (CEOUAS) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hazry Desa. Menurut Dr. Hazry, penyelidikan pesawat berkenaan yang dijalankan dengan kerjasama syarikat Drei Sohne Technology Sdn. Bhd. (DST) pada asalnya digunakan untuk meracun serangga bagi tanaman padi di Perlis.

Selepas melalui beberapa fasa penyelidikan, pesawat ini ditambah nilai bagi menawarkan perkhidmatan yang lebih menyeluruh termasuk digunakan bagi merakam imej banjir di Kelantan baru-baru ini sebelum datanya diproses di dalam perkakasan komputer bagi menghasilkan lakaran imej tiga dimensi (3D). Terbaru menerusi perjanjian pembelian dengan AISB ini, UniMAP akan dilengkapi kamera infra merah bagi menentukan tahap kematangan pokok kelapa sawit seterusnya



mengira tempoh masa berbuah selain boleh digunakan bagi mengira bilangan pokok kelapa sawit dalam sesebuah ladang untuk mengetahui jangkaan pengeluaran.

Majlis tersebut diadakan selari dengan pengajuran 'The World of UAV International Conference' (WoUCON 2015) bersempena penganjuran Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA'15). Persidangan WoUCON yang berlangsung selama dua hari mulai 17 Mac itu menghimpunkan hampir 100 peserta yang antara lainnya, bertujuan bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman oleh negara-negara peserta mengenai teknologi UAS. Persidangan yang bertemakan "Unmanned Aerial Systems : Technologies, Missions and Challenges" itu turut menghimpunkan beberapa pembentang termasuk Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Datuk Azharuddin Abdul Rahman yang akan membentangkan mengenai Kaedah dan Peraturan UAV di Malaysia.

